Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISWAJ) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Penerbit Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dan rakan kerjasama PPZ-MAIWP yang turut sama menjayakan projek yang hebat ini dilihat mampu menaikkan mutu dan kualiti penerbitan serta menambah nilai kepada terjemahan yang dihasilkan. Ucapan sekalung tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat dalam penerbitan buku Terjemahan Kitab Fiqh Al-Zakat karya Syeikh Dr Yusuf Al-Qaradawi yang telah berusaha dengan gigih untuk menerbitkan kitab ini. Diharapkan dengan pemurnian kitab ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat daripada pelbagai peringkat.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK AGAMA DAN NEGARA”

*YBrs. Tuan Haji Ismail Bin Abu
Ketua Pegawai Eksekutif
Majlis Agama Islam Negeri Johor*

PRAKATA

Naib Canselor UTHM

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Segala pujian bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam yang menurunkan wahyu-Nya al-Quran al-Karim sebagai panduan hidup makhluknya. Selawat dan salam ke atas nabi Muhammad SAW dan para sahabat, ahli keluarga, *tabi'in* dan seluruh umat Islam.

Pertamanya, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (ISWAJ) dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) atas kejayaan penterjemahan kitab Fiqh al-Zakat karya Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam bahasa Melayu. Pada hemat saya, ini merupakan kitab terjemahan yang pertama seumpamanya dihasilkan terhadap kitab Fiqh al-Zakat yang sebelum ini hanya terdapat terjemahannya dalam bahasa Inggeris dan Indonesia.

Seperti yang kita maklum, zakat merupakan sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah SWT supaya diserahkan kepada orang-orang yang berhak menerimanya dengan syarat-syarat yang tertentu. Justeru, matlamat penerbitan kitab ini sesuai dengan keperluan masyarakat untuk mendalami berkaitan persoalan zakat. Justeru, penterjemahan ini diharapkan dapat memperkasakan penyelidikan tentang zakat.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada semua yang terlibat terutamanya Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (ISWAJ) dan Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ). Tidak dilupakan rakan kerjasama terjemahan dan penerbitan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atas kejayaan penterjemahan kitab fiqh al-Zakat karya Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi. Semoga usaha ini memberi impak kepada ahli akademik tempatan dan antarabangsa dalam institusi bidang zakat. Semoga buku ini dapat memberikan manfaat yang sebaiknya.

Sekian, *Wabillahi-taufiq*,

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

PROFESOR Ts. Dr. RUZAIRI BIN ABDUL RAHIM
Naib Canselor
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

PRAKATA

Pengarah ISWAJ



Segala pujian bagi Allah SWT Tuhan sekalian alam yang menurunkan wahyu-Nya al-Quran al-Karim sebagai panduan hidup makhluknya. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW dan para sahabat, ahli keluarga, tabi'in dan seluruh umat Islam.

Kitab Fiqh Zakat Dr Yusuf al-Qaradawi merupakan penterjemahan yang pertama dalam bahasa Melayu yang julung kali diadakan yang mana usaha ini adalah hasil kerja erat Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISWAJ) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia dengan kerjasama Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan. Usaha ISWAJ dalam penterjemahan dan penerbitan kitab ini mendapat tajaan daripada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ).

Kitab ini dirujuk oleh semua peringkat masyarakat dan telah diterjemah ke bahasa Inggeris dan Indonesia. Justeru, karya terjemahan ini menjadi rujukan utama yang dapat menyebarkan luas seluruh Malaysia bagi membahaskan mengenai fiqh zakat secara terperinci. Penerbitan ini dapat memberi manfaat kepada agensi-agensi kerajaan, Majlis Agama Islam Negeri, Jabatan Agama Islam Negeri, pusat-pusat zakat, institut Pendidikan dan para penyelidik di dalam bidang zakat.

Sekalung tahniah dan syabas diucapkan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ), Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah (ISWAJ) UTHM dan Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan atas kejayaan menterjemahkan Kitab Fiqh Al-Zakat karya Dr. Yusuf Al-Qaradawi ke dalam bahasa Melayu. Akhir kata, ucapan tahniah kepada semua pihak yang terlibat dalam usaha terjemahan Kitab Fiqh Al-Zakat karya Al-marhum Syeikh Dr. Yusuf Al-Qaradawi ini. Semoga segala jerih perih untuk menghasilkan kitab ini mendapat ganjaran yang terbaik disisi Allah SWT. Diharapkan segala ilmu yang diwariskan oleh Syeikh Dr. Yusuf Al-Qaradawi terus bersinar di serata dunia dan dikira disisi Allah SWT sebagai amal jariah yang berkekalan. Saya yakin dan percaya segala usaha ikhlas ini akan memberi impak yang besar kepada dunia keilmuan Islam terutamanya dalam bidang zakat. Sekaligus menambahkan ilmu pengetahuan masyarakat di pelbagai peringkat. Semoga buku ini dapat memberikan manfaat yang sebaiknya.

**“DENGAN HIKMAH KITA MENEROKA”
“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”**

Us. Hj. Mustapahayuddin bin Abdul Khalim
Pengarah
Institut Ahli Sunnah Wal Jamaah
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

PRAKATA

Editorial UTHM

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Segala puji dan syukur dipanjatkan kepada Allah SWT atas segala kurniaan dan limpahan rahmat-Nya, terjemahan kitab Fiqh Zakat ke dalam bahasa Melayu ini telah berjaya dihasilkan. Selawat dan salam ke atas Rasulullah SAW, ahli keluarga dan para sahabat serta sekalian pengikut Baginda yang telah berjuang sepanjang zaman sehingga nikmat Islam sampai ke seluruh alam.

Zakat adalah satu daripada rukun Islam yang utama. Ia juga merupakan salah satu mekanisme agihan semula pendapatan dan kekayaan dalam sistem ekonomi Islam yang sangat berkesan. Kitab Fiqh Zakat oleh Dr Yusuf Qardawi ini merupakan satu daripada sumber rujukan utama mengenai zakat yang sangat komprehensif. Ia membincangkan hampir semua aspek dalam bidang zakat dan perbincangan-perbincangan tersebut masih relevan sehingga ke hari ini.

Banyak kajian mengenai zakat telah dijalankan, malangnya tidak semua pengkaji dan penyelidik di Malaysia dapat merujuk kepada kitab ini disebabkan oleh kekangan bahasa. Hal yang sama juga berlaku dalam kalangan para pembaca awam. Karya asal dalam bahasa Arab telah diterjemah ke dalam Bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris. Namun, belum ada lagi terjemahan kitab ini dalam bahasa Melayu. Situasi ini telah mendorong kami untuk membuat terjemahan kitab ini ke dalam bahasa Melayu. Justeru, projek terjemahan ini dijalankan bagi menghasilkan terjemahan Kitab Fiqh Zakat oleh Dr Yusuf Qardawi ke dalam bahasa Melayu supaya para pengkaji dan pembaca dapat membuat rujukan terhadapnya disamping memperkaya sumber rujukan utama bidang zakat dalam bahasa Melayu.

Projek terjemahan ini melibatkan kolaborasi antara dua institusi utama iaitu Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) dengan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ – MAIWP). Bagi pihak UTHM, projek terjemahan ini melibatkan kerjasama seramai 23 orang pensyarah dari lima Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia iaitu UTHM, Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Universiti Melaka (UNIMEL), dan Kolej Universiti Islam Johor Sultan Ibrahim (KUIJSI). Kesemua penterjemah mempunyai kepakaran masing-masing dalam bidang zakat dan bahasa Arab. Rujukan silang turut dilakukan terhadap versi terjemahan dalam bahasa Indonesia dan bahasa Inggeris. Manuskrip terjemahan telah disemak oleh dua orang pakar yang telah dilantik oleh Institut Ahli Sunnah wal Jamaah, UTHM.

Kami merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah menyumbang dalam pelaksanaan projek terjemahan ini. Berkat daripada sokongan dan kerjasama erat daripada mereka, maka projek terjemahan ini telah berjaya diselesaikan dengan jayanya. Penghargaan utama kami tujukan kepada Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAIJ) yang telah membiayai keseluruhan projek ini. Setinggi penghargaan juga kami tujukan kepada pihak pengurusan UTHM yang telah menyediakan ruang masa dan fasiliti yang kondusif sepanjang pelaksanaan projek. Aktiviti-aktiviti penyelidikan, penulisan dan penerbitan yang terlibat dalam projek terjemahan ini adalah sebahagian daripada tugas hakiki kami sebagai pensyarah dan penyelidik di universiti. Selanjutnya, penghargaan kami juga kepada pihak pengurusan ISWAJ bermula daripada mantan Pemangku Pengarah, Profesor Madya Dr Syed Muhamad Dawilah al-Edrus yang telah memberi kepercayaan, sokongan dan dorongan yang berterusan sejak awal projek ini dilaksanakan. Begitu juga dengan pihak pengurusan dan Pengarah ISWAJ seterusnya yang telah memberikan sokongan dan kerjasama erat sehingga terhasilnya terjemahan bahasa Melayu kitab Fiqh Zakat oleh Dr Yusuf Qardawi ini. Kami juga tidak melupakan suntikan semangat dan dorongan daripada Profesor Dr. K.H Didin Hafidhuddin yang telah berkongsi pengalaman beliau sebagai salah seorang penterjemah Kitab Fiqh Zakat ke dalam bahasa Indonesia, sewaktu kunjungan kami ke Bogor pada tahun 2017. Sebenarnya, banyak pihak yang telah menyumbang kepada kejayaan projek terjemahan ini secara langsung dan tidak langsung. Namun, kami tidak mampu menyatakannya satu persatu di sini. Kami sangat menghargainya dan semoga Allah memberi sebaik-baik ganjaran kepada semua yang terlibat.

Kami berharap agar terjemahan kitab Fiqh Zakat ke dalam bahasa Melayu ini dapat memberikan manfaat kepada para penyelidik dan pembaca dalam bidang zakat di Malaysia khususnya dan di peringkat antarabangsa umumnya. Semoga segala usaha dan sumbangan ini mendapat keredhaan Allah SWT.

PENDAHULUAN

Pengertian Zakat dan Sedekah

Pengertian Zakat Menurut Bahasa dan Istilah

Dari segi bahasa, *zakat* merupakan kata dasar daripada *zaka* yang bermaksud, *barakah*, *berkembang*, *bersih*, dan *baik*.¹ *zaka al-syai`* bererti sesuatu itu berkembang dan bertambah. *zaka fulān* bererti seorang itu adalah baik.

Menurut kamus *Lisan al-Arab*, zakat dari segi bahasa bermaksud suci, kembang, berkat, dan terpuji. Semua maksud tersebut telah digunakan di dalam al-Quran dan hadis.

Pendapat yang lebih tepat adalah seperti pandangan al-Wahidi dan lain-lain iaitu kata dasar bagi *zaka* bererti bertambah dan berkembang. Ungkapan *zaka al-zar* (menunjukkan tanaman bertambah dan berkembang). Setiap sesuatu yang bertambah akan disebut “*zaka*”.

Oleh kerana tumbuhan hanya akan tumbuh dan membesar sekiranya ia terpelihara daripada perkara-perkara yang merosakkan, maka perkataan *zakat* juga membawa maksud bersih. Begitu juga sekiranya sekumpulan manusia disifatkan dengan *zakat* yang bermaksud baik, ia merujuk kepada peningkatan sifat baik dalam diri mereka. Apabila diungkapkan *rajulun zaka* ia bermaksud “dia memiliki banyak sifat kebaikan, daripada kalangan orang baik”. Begitu juga ungkapan *zakka al-qaḍi al-syuhūd* (hakim *mentazkiyah* para saksi) “apabila hakim memperakui tambahan keterangan (yang diberikan saksi)”.

Zakat dari segi istilah syarak merujuk kepada sejumlah tertentu daripada harta yang diwajibkan oleh Allah untuk diserahkan kepada golongan yang berhak. Ia juga merujuk kepada perbuatan mengeluarkan sejumlah harta itu sendiri.² Sejumlah harta yang dikeluarkan tersebut dinamakan sebagai “zakat” kerana ia adalah lebih daripada harta asal yang dikenakan zakat, masih ada dan terselamat daripada malapetaka. Ini merupakan pendapat Imam Nawawi yang beliau nukilkan daripada al-Wahidi.³

¹*Mu'jam Wasit*, juzuk 1 hlm. 398.

²Zamakhshari berkata dalam kitab *al-Fa'iq*, jilid 1 hlm. 536, cetakan pertama, “Zakat seperti perihal sedekah, berwazan *fa'alah*, dan ianya merupakan sebahagian daripada kata nama yang membawa maksud sesuatu benda (zakat itu sendiri) dan juga perbuatan berzakat. Oleh itu, adalah suatu kejahilan jika seseorang menafsirkan firman Allah s.w.t dalam surah Al-Mukminun ayat 4 dengan makna benda yang dizakatkan, padahal ianya merujuk kepada perbuatan berzakat itu sendiri.

³*Al-Majmu'*, jilid 5, hlm. 324.

B A B 1

KEWAJIPAN DAN KEDUDUKAN ZAKAT DALAM ISLAM

Kandungan utama bahagian ini:

- 1: Kedudukan Kasta Rendah Dalam Tamadun Silam
- 2: Keprihatinan Agama Samawi Untuk Berbuat Baik Terhadap Golongan Miskin
- 3: Keprihatinan Islam Terhadap Golongan Miskin Ketika Zaman Mekah (Sebelum Hijrah)
- 4: Galakan Membayar Zakat Secara Umum Ketika Zaman Mekah
- 5: Kewajipan Membayar Zakat (Secara Terhad) Ketika Zaman Madinah (Selepas Hijrah)
- 6: Kedudukan Zakat Dalam Islam Dan Hukum Orang Yang Tidak Membayar Zakat Atau Mengingkari Kewajipannya
- 7: Perbezaan Antara Zakat Dalam Islam Dengan Derma Dalam Agama Lain
- 8: Perbincangan Mengenai Dakwaan-Dakwaan Yang Dikemukakan Oleh Joseph Schacht Mengenai Zakat

Pendahuluan

Sebelum membincangkan kewajiban dan kedudukan zakat dalam Islam, sebaiknya aku menjelaskan keadaan orang miskin dan golongan lemah dalam masyarakat sebelum kedatangan Islam. Begitu juga akan dibentangkan sejauh mana ajaran dan agama sebelum Islam mengambil berat tentang keperluan serta menyelesaikan masalah yang mereka (kaum miskin dan lemah) hadapi. Akhirnya, kita akan mendapati melalui kajian dan perbandingan bahawa Islam lebih terkehadapan berbanding agama dan ajaran lain dalam menyediakan penyelesaian yang bersifat sistematik dan mendasar. Selain itu, Islam telah memperkenalkan asas keadilan dan kebertanggungjawaban sesama masyarakat atas landasan yang kukuh dan asas yang kuat sebagaimana yang disebutkan di dalam al-Quran dan dijelaskan oleh Sunah Rasulullah SAW.

Golongan Miskin dalam Peradaban Silam

Kemiskinan telah wujud sejak zaman dahulu lagi. Rentetan itu telah wujud golongan yang melihat kepentingan nilai kemanusiaan dalam setiap peradaban manusia pada satu-satu kurun tertentu kerana terkesan dari pemerhatian terhadap penderitaan orang lain lalu berusaha membebaskan mereka dari kemiskinan dan kepapaan atau sekurang-kurangnya berusaha meringankan penderitaan mereka.

Namun situasi sebenar yang dihadapi oleh golongan miskin tidak memungkinkan matlamat tersebut dicapai. Keadaan ini telah menjadi titik hitam yang mengotori umat manusia kerana masyarakat tidak lagi terkesan dengan nasihat orang yang baik dan peringatan daripada mereka yang bijak.

Seorang ilmuan yang hebat Prof. Muhammad Farid Wajdi¹ menjelaskan tentang sejarah hitam hubungan antara golongan kaya dengan golongan miskin yang telah berlangsung sejak awal tamadun manusia. Beliau menyatakan, bahawasanya sepanjang peradaban manusia yang menjadi subjek kajian, terdapat hanya dua golongan manusia sahaja yang ditemui iaitu golongan yang kaya dan golongan yang miskin. Di samping itu, kajian juga menemui dapatan yang menarik iaitu golongan yang kaya akan terus bertambah kaya, sedangkan golongan yang miskin semakin melarat dalam keadaan yang lemah dan tidak berdaya. Situasi ini mengancam keselamatan dalam masyarakat kerana lemahnya golongan miskin yang menjadi struktur bawahan masyarakat, sedangkan golongan kaya hidup bermewah-mewah sehingga meruntuhkan struktur atasan dalam masyarakat tersebut.

Pada zaman pemerintahan Mesir Purba, ia merupakan negara yang sangat mewah sehingga digambarkan sebagai syurga dunia. Hasil tanaman mereka mampu menyediakan makanan yang melimpah ruah kepada penduduknya. Namun golongan miskin tidak mendapat bahagian daripada hasil tanaman tersebut kerana ia dikuasai oleh golongan kaya yang membolot keseluruhan hasil tanaman tanpa meninggalkan sedikit pun kepada golongan miskin. Ketika wabak kelaparan melanda pada masa Dinasti XII, golongan miskin ini telah

¹Prof. Mohd. Farid Wajdi adalah pengarang *Da'irah al-Ma'arif al-Qarn al-'Isyirin* dan Ketua Pengarang majalah *al-Azhar*. Pendapat ini dinukil daripada bukunya *al-Islam Din al-Khalid*. Cetakan pertama, hlm. 179-181.

B A B 2

SIAPAKAH YANG WAJIB MENGELUARKAN ZAKAT?

Kandungan utama bahagian ini:

- 1: Zakat Tidak Wajib Ke Atas Orang Bukan Muslim
- 2: Zakat Ke Atas Harta Kekayaan Kanak-Kanak Dan Orang Gila
- 3: Siapakah Yang Wajib Mengeluarkan Zakat?

Perbahasan Pertama

Zakat tidak Wajib ke atas Orang Bukan Muslim

Para ulama Islam sepakat bahawa zakat hanya diwajibkan ke atas seorang Islam dewasa yang berakal, merdeka dan memiliki kekayaan dalam jumlah tertentu dengan syarat tertentu. Zakat diwajibkan berdasarkan ayat-ayat dan hadis-hadis sahih; yang kesemuanya menegaskan bahawa zakat itu hukumnya wajib. Perkara ini sudah diamalkan oleh generasi demi generasi. Sejarahanya dapat dijejaki berupa pendapat tentangnya dan pelaksanaannya dan dinyatakan oleh ajaran Islam itu sendiri. Oleh itu, bagi orang yang telah lama mengenali Islam tetapi tidak menerima kewajipan zakat maka bererti orang itu telah kafir dan telah membuang Islam dari tanggungjawabnya.

Para ulama juga sependapat bahawa zakat tidak wajib ke atas bukan Muslim kerana zakat adalah rukun Islam yang paling utama. Oleh itu, orang kafir tidak mungkin diarahkan untuk melaksanakannya. Zakat juga bukanlah hutang yang harus dibayar setelah masuk Islam. Para ulama berpendapat demikian berdasarkan dari hadis Ibn Abbas yang terdapat di dalam kedua-dua kitab hadis sahih Bukhari dan Muslim bahawa Rasulullah SAW bersabda ketika mengutus Muaz ke Yaman:

إِنَّكَ تَقْدُمُ عَلَى قَوْمٍ أَهْلِ كِتَابٍ، فَلْيَكُنْ أَوَّلَ مَا تَدْعُوهُمْ إِلَيْهِ عِبَادَةَ اللَّهِ، فَإِذَا عَرَفُوا اللَّهَ، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ قَدْ فَرَضَ عَلَيْهِمْ خَمْسَ صَلَوَاتٍ فِي يَوْمِهِمْ وَلَيْلَتِهِمْ، فَإِذَا فَعَلُوا، فَأَخْبِرْهُمْ أَنَّ اللَّهَ فَرَضَ عَلَيْهِمْ زَكَاةً مِنْ أَمْوَالِهِمْ وَتُرَدُّ عَلَى فُقَرَائِهِمْ.

Maksudnya:

Kamu akan berhadapan dengan penganut-penganut ahli Kitab oleh sebab itu tindakan pertama yang harus kamu lakukan menyeru mereka supaya meyakini bahawa tidak ada Tuhan selain Allah dan Muhammad adalah Rasulnya. Apabila mereka menyambut seruanmu itu, barulah ajarkan bahawa Allah mewajibkan mereka bersolat lima kali dalam sehari, dan apabila mereka mengerjakannya barulah kamu beritahukan kepada mereka bahawa Allah mewajibkan mereka berzakat yang dikenakan ke atas golongan kaya untuk diberikan kepada golongan miskin di antara mereka.¹

(Riwayat Bukhari)

Menurut Imam al-Nawawi dan lain-lain, hadis ini menunjukkan bahawa ibadat zakat hanya diwajibkan di dunia setelah seseorang itu memeluk Islam, dan perkara ini disepakati.²

¹Sahih Bukhari, no. Hadis: 1458, *Fath al-Bari* (3/229).

²Terdapat khilaf menurut ulama Usul sama ada orang kafir dituntut untuk melaksanakan segala kewajipan syariat yang bersikap *furu'* (seperti zakat) sehingga menyebabkan sama ada mereka si azab atau tidak pada Hari Kiamat jika tidak melaksanakan tuntutan tersebut. Majoriti ulama berpendapat mereka dituntut untuk melaksanakannya, berbeza dengan pendapat mazhab Hanafi. Namun kupasa ini tidak ada keperluannya untuk dijelaskan di sini.

B A B 3

HARTA YANG WAJIB ZAKAT DAN KADARNYA

Bahagian ini membincangkan dasar utama hukum zakat yang meliputi perbincangan tentang jenis-jenis harta wajib zakat, kadar zakat, syarat-syarat dan perincian yang lain. Bahagian ini terdiri daripada 10 fasal iaitu:

FASAL 1: Harta yang Wajib Zakat dan Syarat-Syaratnya

FASAL 2: Zakat Binatang Ternakan

FASAL 3: Zakat Emas dan Perak

FASAL 4: Zakat Perniagaan

FASAL 5: Zakat Tanaman dan Buah-Buahan

FASAL 6: Zakat Madu dan Produk Haiwan

FASAL 7: Zakat Hasil Galian dan Sumber Laut

FASAL 8: Zakat Sewaan (*Mustaghallat*) daripada Bangunan, Kilang Perusahaan dan Seumpamanya

FASAL 9: Zakat Pendapatan Gaji dan Perkhidmatan Profesional

FASAL 10: Lain-Lain Sumber Zakat

FASAL 1

HARTA YANG WAJIB DAN SYARAT-SYARATNYA

Al-Quran tidak menetapkan dengan jelas tentang jenis-jenis, syarat-syarat, kategori dan kadar yang wajib dikeluarkan zakat. Perkara ini dijelaskan oleh hadis Nabi Muhammad SAW melalui sabda dan perbuatan Baginda. Al-Sunah berperanan memperincikan sesuatu yang perlu dijelaskan, menerangkan sesuatu yang tidak disebut secara khusus, mengkhususkan sesuatu yang bersifat umum dan memberi contoh praktikal kepada perlaksanannya serta menjadikan prinsip atau teori sebagai realiti yang diamalkan dalam kehidupan manusia. Perkara ini bertepatan dengan peranan Rasulullah SAW yang dipertanggungjawabkan untuk menjelaskan ayat al-Quran sama ada melalui ucapan, perbuatan dan perakuannya. Ini adalah kerana Nabi SAW adalah manusia yang paling mengetahui akan kehendak Allah melalui kalam dan kitab-Nya yang mulia. Firman Allah SWT:

وَأَنزَلْنَا إِلَيْكَ الذِّكْرَ لِتُبَيِّنَ لِلنَّاسِ مَا نُزِّلَ إِلَيْهِمْ وَلَعَلَّهُمْ يَتَفَكَّرُونَ

Maksudnya:

Kami turunkan kepadamu al-Quran supaya kamu menerangkan kepada umat manusia apa yang diturunkan kepada mereka dan supaya mereka memikirkannya.

(al-Nahl: 44)

Walau bagaimanapun, al-Quran menyebutkan kategori sebahagian harta dan mengingatkan kita kepada kewajipan berzakat ke atasnya serta menunaikan hak Allah padanya secara ringkas. Jenis-jenis harta yang disebut dalam al-Quran adalah seperti berikut:

1. Emas dan perak seperti dalam firman-Nya:

وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ فَبِئْسَ لَهُمْ
بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٢٤﴾

FASAL 2

ZAKAT BINATANG TERNAKAN

Terdapat pelbagai spesis binatang dalam dunia ini dimana manusia hanya menggunakan beberapa jenis daripadanya. Binatang yang boleh memberi manfaat dalam Bahasa Arab disebut sebagai ‘*al-anām*’ terdiri daripada unta, lembu, kerbau, kambing dan kambing. Binatang-binatang tersebut merupakan anugerah Allah kepada hamba-hambaNya dan manfaatnya banyak diterangkan dalam ayat-ayat suci al-Quran. Allah berfirman:

وَاللَّائِمَةَ خَلَقَهَا لَكُمْ فِيهَا دِفْءٌ وَمَنْفَعٌ وَمِنْهَا تَأْكُلُونَ ﴿٥﴾ وَلَكُمْ فِيهَا جَمَالٌ حِينَ تُرِيحُونَ وَحِينَ تَسْرَحُونَ ﴿٦﴾ وَتَحْمِلُ أَثْقَالَكُمْ إِلَىٰ بَلَدٍ لَّمْ تَكُونُوا بَلِغِيهِ إِلَّا بِشِقِّ الْأَنْفُسِ إِنَّ رَبَّكُمْ لَرءُوفٌ رَّحِيمٌ ﴿٧﴾

Maksudnya:

Adapun binatang-binatang ternak itu diciptakan untuk kamu; terdapat padanya benda-benda yang memanaskan tubuh dari sejuk dan beberapa faedah yang lain; dan daripadanya juga kamu makan. Begitu juga bagi kamu pada binatang-binatang ternak itu, keindahan (yang menarik hati) ketika kamu membawanya balik untuk berehat (pada waktu petang), dan ketika kamu membawanya keluar (pada waktu pagi). Binatang-binatang itu pula membawa barang-barang kamu ke mana-mana negeri yang kamu tidak dapat sampai kepadanya melainkan dengan menanggung susah payah. Sesungguhnya Tuhan kamu amat melimpah belas kasihan dan rahmatNya.

(al-Nahl: 5-7)

FASAL 3

ZAKAT EMAS DAN PERAK

Emas dan perak merupakan hasil galian yang sangat berharga. Maka, Allah SWT telah menjadikan emas dan perak mempunyai pelbagai manfaat dan kelebihan yang tidak terdapat pada jenis-jenis hasil galian yang lain. Disebabkan oleh nilai emas dan perak, maka manusia telah menjadikan emas dan perak sebagai mata wang dan bahan pertukaran sejak dahulu lagi.

Dalam syariat Islam, emas dan perak dilihat sebagai sumber kekayaan alam yang bersifat organik iaitu berkembang. Oleh itu, syariat mewajibkan zakat ke atas kedua-dua jenis galian ini sama ada dalam bentuk wang atau leburan logam, peralatan, cenderahati ukiran ataupun perhiasan bagi lelaki. Namun begitu, para fuqaha berbeza pandangan seandainya emas dan perak tersebut dipakai sebagai perhiasan bagi wanita kerana memberi hukum yang berbeza. Justeru, zakat emas dan perak boleh dibahagikan kepada dua bentuk perbahasan.

Pembahagian bagi perbahasan zakat emas dan perak adalah seperti berikut:

- | | |
|---------------------|--|
| Perbahasan Pertama: | Zakat Wang dan Perbahasan Syarat-Syaratnya |
| Perbahasan Kedua: | Zakat Barang Perhiasan dan Hadiah |

FASAL 4

ZAKAT HARTA PERNIAGAAN

Allah SWT memberi kebebasan kepada orang Islam untuk bergiat dalam bidang perniagaan dengan syarat mereka tidak menjual sesuatu yang haram dan tidak mengabaikan nilai-nilai akhlak dalam melakukannya seperti kejujuran, kebenaran, ikhlas dan tidak lalai sehingga lupa mengingati dan menunaikan kewajipan terhadap Allah SWT.⁵³³

Dalam bab yang lalu kita telah mengetahui bagaimana Islam mewajibkan zakat tahunan sebanyak 2.5 peratus ke atas pemilik wang agar harta yg dimiliki itu bersih dan suci. Kita juga telah mengetahui hikmah kewajipan zakat iaitu Allah SWT ingin menjadikan zakat sebagai faktor pendorong secara tidak langsung menggesa penyimpan wang untuk melaburkan wang mereka dalam aktiviti yang halal dan patuh syariat. Dengan demikian, mereka terselamat daripada dosa mereka yang menyimpan dan mengumpul wang, yang menghalangnya daripada berlegar dan membekukannya daripada dilaburkan. Proses ini juga memberi manfaat kepada mereka dengan mengelakkan harta mereka daripada dihakis dan dimakan oleh zakat setiap tahun.

Perniagaan juga merupakan antara usaha yang disyariatkan bagi mendapatkan harta. Oleh itu, terdapat *atsar* yang telah kami bawakan sebelum ini yang memerintahkan agar harta anak-anak yatim diniagakan supaya tidak dihakis oleh zakat. Maka tidak peliklah jika sejumlah besar aset ummah ini disalurkan kepada bidang perniagaan yang berbagai-bagai sehingga ia menjadi sumber yang utuh bagi membina kekayaan dan mengembangkannya. Tidak pelik juga terdapat peniaga yang mempunyai aset perniagaan yang bernilai ribuan dan jutaan. Juga bukan satu keganjilan jika Islam mengfardukan zakat tahunan (seperti yang difardukan pada wang) pada aset-aset ini yang digunakan untuk perniagaan dan memberikan pulangan kepada tuannya sebagai cara mensyukuri nikmat Allah dan menunaikan hak mereka yang memerlukan dalam kalangan hambanya, juga menyumbang kepada kepentingan umum agama dan negara, seperti mana zakat-zakat lain.

Ilmu fiqh Islam memperincikan zakat perniagaan supaya peniaga Muslim dapat mengetahui dengan jelas zakat yang dikenakan ke atas harta kekayaan mereka. Ulama fiqh menamakan

⁵³³Rujuk perkara ini dalam buku *al-Halal wa al-Haram*, bab “Mata Pencarian dan Usaha.”

FASAL 5

ZAKAT PERTANIAN

Allah SWT telah menciptakan bumi dan segala isinya termasuk tumbuh-tumbuhan yang merupakan nikmat besar bagi semua makhlukNya bersesuaian dengan hukum alam. Selain itu tanah juga merupakan sumber kehidupan utama bagi kesejahteraan manusia, Sehingga pakar ekonomi Barat menyarankan agar satu cukai perlu dikenakan ke atas tanah pertanian (bukan tanah jenis lain) kerana pertanian merupakan sumber utama kehidupan manusia.

Allah SWT telah menciptakan bumi serta isinya dengan lengkap dan sempurna untuk memenuhi semua keperluan hidup makhluk-Nya terutama makhluk yang paling mulia iaitu manusia. Sesuai dengan firman Allah SWT dalam ayat berikut:

وَلَقَدْ مَكَّنَّاكُمْ فِي الْأَرْضِ وَجَعَلْنَا لَكُمْ فِيهَا مَعِيشًا قَلِيلًا مَّا تَشْكُرُونَ ﴿١٠﴾

Maksudnya:

Dan sesungguhnya Kami telah menetapkan kamu (dan memberi kuasa) di bumi, dan Kami jadikan untuk kamu padanya (berbagai jalan) penghidupan (supaya kamu bersyukur, tetapi) amatlah sedikit kamu bersyukur.

(al-A'raf: 10)

Apabila kita mengetahui satu biji benih tumbuh, hidup dan membuahkan hasil disebabkan oleh faktor hukum alam yang minimum, maka kita akan kagum dengan kebesaran nikmat Allah SWT yang telah diberikan kepada manusia.

Tidak semua tanah sesuai untuk semua jenis tanaman. Ini kerana sebahagian tanaman memerlukan unsur-unsur tanah yang mengandungi nutrisi tertentu bagi pertumbuhannya. Justeru, siapakah yang telah menciptakan tanah tersebut yang mengandungi pelbagai unsur sehingga sesuai bagi pelbagai jenis tanaman? Tanaman memerlukan air, apabila tidak ada air maka ia akan mati. Maka, siapakah yang menciptakan hujan yang turun dari awan dan air yang mengalir daripada mata air sehingga dapat mencukupi keperluan hidup manusia, haiwan dan tumbuhan tanpa menyebabkan mereka mati tenggelam.

FASAL 6

ZAKAT MADU DAN PRODUK BINATANG

Bab ini mengandung:

- Perbahasan Pertama: Zakar Madu; antara golongan yang bersetuju dan tidak bersetuju serta mengukuhkan pendapat yang mewajibkan.
- Perbahasan Kedua: Kasdar Zakat Madu.
- Perbahasan Ketiga: Nisab Zakat Madu.
- Perbahasan Keempat: Produk Binatang seperti susu, sutera dan lain-lain

FASAL 7

ZAKAT HASIL GALIAN DAN HASIL LAUT

Bab ini mengandung:

Pendahuluan: Penjelasan tentang *ma'din*, *kanz* dan *rikaz*

Bab ini mengandung tujuh perbahasan:

- Pertama: Penemuan *rikaz* (harta tertanam) dan kewajiban zakat ke atasnya.
- Kedua: Jenis galian dan kewajiban zakat ke atasnya.
- Ketiga: Jumlah zakat ke atas jenis galian.
- Keempat: Jumlah nisab jenis galian dan masa pengiraannya.
- Kelima: Apakah syarat cukup haul ke atas jenis galian.
- Keenam: Golongan yang berhak menerima zakat jenis galian.
- Ketujuh: Harta benda yang berasal daripada laut.

FASAL 8

ZAKAT *MUSTAGHALLAT* BANGUNAN, KILANG DAN SEUMPAMANYA

Bab ini terdiri daripada tiga perbahasan:

1. Zakat sewaan: Pandangan mereka yang menyempitkan dan meluaskan skop ini.
2. Bagaimana harta-harta ini dizakat?
3. Bagaimanakah nisabnya dikira?

FASAL 9

ZAKAT PENDAPATAN DAN KHIDMAT PROFESIONAL

Boleh dikatakan bentuk pendapatan yang paling popular pada zaman ini adalah apa yang diperoleh daripada pekerjaan dan profesionnya. Pekerjaan yang menghasilkan wang ada dua bentuk. Pertama adalah pekerjaan yang dikerjakan sendiri tanpa bergantung kepada orang lain, berdasarkan kemahiran tangan ataupun kebijaksanaan akal. Pendapatan yang diperoleh dengan cara ini merupakan penghasilan profesional, seperti pendapatan seorang doktor, jurutera, peguam, seniman, tukang jahit, tukang kayu dan lain-lainnya.

Kedua, adalah pekerjaan yang dikerjakan seseorang bagi pihak lain sama ada pemerintah, perusahaan atau syarikat, mahupun perseorangan dengan memperoleh upah yang diberikan sama ada dikerjakan dengan tangan, akal, ataupun kedua-duanya. Pendapatan dari pekerjaan seperti itu berupa gaji, upah, ataupun ganjaran.

Adakah wajib kedua bentuk pendapatan yang berkembang sekarang itu dikeluarkan zakatnya ataupun tidak? Sekiranya wajib, berapakah nisab, kadar zakat, dan bagaimana pandangan fiqh Islam tentang masalah ini?

Persoalan-persoalan tersebut perlu dijawab supaya setiap orang mengetahui kewajipan dan haknya. Pendapatan dalam bentuk moden ini, dengan nilai yang besar dan sumber yang luas, tidak diketahui oleh ulama fiqh pada masa lampau. Justeru kami akan menghuraikan jawapan bagi persoalan-persoalan tersebut dalam tiga bahagian perbahasan:

1. Adaptasi fiqh (*takyif fiqhi*) terhadap pekerjaan bergaji dan profesion bebas, hukumnya menurut pendapat ulama fiqh pada zaman dahulu dan sekarang, serta penjelasan pendapat yang kuat (*rajih*).
2. Nisab, nilai dan cara menetapkan
3. Kadar zakatnya.

FASAL 10

ZAKAT SAHAM DAN BON (SUKUK)

Pada hari ini pelbagai inovasi berkaitan modal telah diperkenalkan dalam sektor industri dan perdagangan yang dikenali sebagai “Saham dan Bon”. Saham dan bon adalah kertas bernilai yang mengandungi transaksi perdagangan dalam pasaran khusus yang dikenali sebagai “Bursa Pasaran Saham”. Pakar kewangan menamakan saham dan bon ini sebagai “*transferred value* atau nilai terbawa” dan dikenakan cukai ke atas pendapatannya yang sentiasa berubah. Cukai ini disebut “Cukai Pendapatan atas Nilai Terbawa”. Sebagaimana terdapat golongan yang mahukan agar cukai juga dikenakan ke atas saham itu sendiri kerana sifatnya sebagai cukai ke atas harta modal.¹⁰⁰²

Perbezaan antara Saham dan Bon (Sukuk)

Saham adalah hak pemilikan sebahagian daripada modal yang besar bagi *Shareholding Company* atau *Company Limited by Share*, setiap saham mewakili satu unit daripada unit-unit yang sama bagi harta modal. Bon adalah perjanjian tertulis dari bank, syarikat atau kerajaan untuk pemegangnya bagi melangsaikan sejumlah pinjaman dalam masa tertentu dengan kadar bunga tertentu.

Terdapat beberapa perbezaan antara saham dan bon. Saham mewakili unit daripada harta modal bank atau syarikat manakala bon mewakili unit pinjaman ke atas syarikat, bank atau kerajaan. Saham menghasilkan keuntungan sebahagian dari keuntungan syarikat atau bank, banyak atau sedikit bergantung kepada keberhasilan syarikat atau bank tersebut, dan kerugian pula akan turut ditanggung bersama. Manakala bon memberikan keuntungan tertentu dari peminjaman tanpa bertambah atau berkurang. Pemegang bon adalah pemberi pinjam atau pemiutang kepada syarikat, atau kerajaan. Manakala pemegang saham merupakan pemilik sebahagian daripada syarikat atau bank berdasarkan nilai sahamnya. Bon mempunyai masa yang terhad untuk membayar balik manakala saham tiada masa untuk membayar balik kecuali apabila syarikat dibubarkan.

¹⁰⁰²Lihat “*Dzara’ib ‘ala Ra’s al-Mal*” dari kitab *Mawardi al-Da’ula*, karangan Sa’ad Mahir Hamzah, hlm. 180.

PENUTUP

Zakat: Sistem Baharu dan Unik

Saya menganggap telah jelas perbincangan dalam bab-bab dan fasa-fasa berkenaan zakat yang diwajibkan oleh Islam dan bermula di Madinah ini merupakan sebuah sistem baharu yang unik dan belum pernah ada pada mana-mana agama samawi ataupun dalam undang-undang ciptaan manusia. Zakat merangkumi sistem kewangan, ekonomi, sosial, politik, moral dan agama sekaligus. Ia adalah cukai kewangan yang jelas dikenakan kepada setiap individu seperti zakat fitrah dan ia juga dikenakan ke atas modal dan pendapatan. Oleh itu ia menjadi sumber pendapatan yang kekal dan berterusan ke dalam perbendaharaan awam negara Islam (*baitulmal*), yang diagihkan untuk membebaskan kesemua umat Islam daripada belenggu kesusahan dan memenuhi keperluan ekonomi mereka. Ia juga adalah peperangan ke atas pengumpulan dan penyorokan harta yang menyebabkan harta tersebut terhalang daripada pergerakan dan pelaburan di pasaran.

Zakat adalah sistem sosial, kerana ia memberi jaminan kepada individu dalam masyarakat yang menghadapi sebarang ketidakmampuan fizikal dan mental, kemalangan, bencana dan malapetaka. Ia juga merealisasikan aspirasi kemanusiaan dalam perpaduan dan jaminan sosial, di mana orang kaya membantu orang miskin, yang kuat menolong yang lemah, yang kaya memberi kepada yang miskin dan pengembara (*ibn sabil*). Jurang antara golongan kaya dan miskin semakin mengecil dan unsur-unsur hasad dan dengki, sombong dan kebencian juga berkurangan. Selain itu, dari segi kewangan, sistem zakat juga membantu golongan miskin yang berusaha untuk menjadi orang tengah bagi mendamaikan pertikaian demi memenuhi objektif sosial dan moral zakat. Ia juga boleh memainkan peranan dalam menyelesaikan banyak permasalahan sosial dan membantunya merealisasikan objektif dan matlamatnya yang mulia.

Zakat juga sebahagian daripada sistem politik kerana asas zakat adalah diurus tadbir oleh negara. Kerajaan Islam bertanggungjawab sepenuhnya untuk memungut dan mengagihkan zakat mengikut prinsip keadilan, menentukan keperluan dan mengutamakan yang lebih penting serta melantik petugas-petugas yang perlu seperti amil zakat dan sebagainya. Terdapat beberapa kategori agihan zakat yang hanya boleh diputuskan oleh pihak pemerintah kerana ia merupakan urusan negara. Sebagai contoh, mereka yang hendak dilembutkan hatinya (*mualaf*) dan perbelanjaan di jalan Allah (*fi sabilillah*).

Zakat turut mempunyai objektif moral yang bertujuan membersihkan jiwa orang-orang kaya daripada sifat kikir yang membinasakan serta sifat mementingkan diri sendiri. Ia juga bermatlamat untuk melatih golongan kaya supaya berkorban dan menyumbang untuk



Almarhum Dr. Yusuf al-Qaradawi merupakan sosok yang tidak asing dalam dunia fiqh khususnya fatwa, pemikiran dan dakwah Islam. Beliau dilahirkan pada 9 September 1926 di sebuah perkampungan Saft Turab di Mesir. Mendapat pendidikan rasmi di Universiti al-Azhar, dengan ijazah pertama dalam bidang Usuluddin, kemudian pada tahun 1973 beliau memperoleh ijazah kedoktoran dengan kelas pertama melalui tesisnya yang bertajuk "Zakat dan Kesannya dalam Menyelesaikan Permasalahan Masyarakat." Ia kemudiannya dikembangkan kepada kitab Fiqh al-Zakat yang dianggap sebagai adiknya beliau yang diterjemahkan buat julung kalinya ke dalam bahasa Melayu. Naskhah asal yang dirujuk adalah daripada cetakan Maktabah Wahbah yang beroperasi di Mesir, edisi ke-25 iaitu edisi terkini yang telah dikemaskini terutamanya aspek takhrij hadis dan beberapa pandangan beliau umpamanya berkaitan zakat saham serta rujuk silang daripada beberapa terbitan naskhah Arab, terjemahan bahasa Indonesia dan Inggeris.

Penglibatan beliau mencakupi dunia akademik, pentadbiran, politik dan kemasyarakatan menjadikan beliau ulama kontemporari prolifik. Beliau merupakan pelopor kepada madrasah pemikiran Wasatiyyah yang mempunyai ramai pengikut dan anak murid di seluruh negara. Beliau juga amat menitik beratkan kesatuan dalam kalangan para ulama dari pelbagai aliran yang menekankan tentang keperluan untuk bersatu dan bersepakat pada perkara yang dipersetujui terutama pada perkara prinsip serta berlapang dada atas perkara yang diselisihkan pada perkara yang bersifat cabang. Bagi memenuhi hasrat ini, beliau telah mengambil inisiatif menubuhkan Kesatuan Ulama Muslim Antarabangsa pada 2006 yang dianggotai oleh ulama dan pemikir dari pelbagai negara dan juga aliran. Penglibatan beliau terutama sekali untuk menyebar luaskan kefahaman Islam yang betul amat luas dalam pelbagai aspek dan lapangan selain bidang penulisan ilmiah, iaitu bidang dakwah dan kepimpinan, bidang kefatwaan, bidang ekonomi dan perbankan Islam, juga keanggotaan dalam pelbagai persatuan. Beliau dianggap sebagai faqih dalam kalangan para pendakwah dan juga pendakwah dalam kalangan ahli fiqh yang membawa prinsip kemudahan (taysir) dalam aspek fiqh dan memberi khabar gembira (tabasyir) dalam aspek dakwah.

